D726

R B297 DEB

MAHATHIR. - PELAJAR 1984

CHICAGO, 12 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN PARA PELAJAR DI SEBARANG LAUT YANG TIDAK PUAS HATI DENGAN KERAJAAN SUPAYA BALIK KE TANAHAIR UNTUK MELUAHKAN KRITIKAN MEREKA TETAPI MEREKA JANGANLAH MEMALUKAN MALAYSIA DENGAN MENYERTAI ORANG ASING +MENGHENTAM+ NEGARA SENDIRI.

MEREKA JANGANLAH MEMBURUKKAN NEGARA DENGAN ORANG ASING BERBUAT DEMIKIAN DAN CUMA MENDAPAT +TEPUKAN DI BELAKANG SAHAJA,+ BELIAU.

PERDANA MENGINGATKAN BERUCAP KEPADA 500 ORANG PELAJAR MALAYSIA DARI BEBERAPA BUAH UNIVERSITI DI BAHAGIAN TENGAH AMERIKA SYARIKAT DALAM SATU JAMUAN MALAM DAN MAJLIS DIALOG DENGAN MEREKA DISINI MALAM TADI.

BELIAU MENEGASKAN NEGARA SENDIRI IALAH TEMPAT SEBAIKNYA BAGI MEREKA MEMBUAT BANTAHAN ATAU MEMBANGKANG SESUATU YANG MEREKA FIKIR TIDAK KENA DENGAN KERAJAAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN TIADA APA LARANGAN UNTUK MEREKA BERBUAT DEMIKIAN DI TANAHAIR. -- LAGI

2351MST 12 10 84

D727

R B298 D E B

MAHATHIR - PELAJAR 2 CHICAGO

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA DUKACITA KERANA BERLAKU PERPECAHAN DI KALANGAN PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI SEDANGKAN NIAT KERAJAAN MENGHANTAR MEREKA BELAJAR IALAH SUPAYA MEREKA LEBIH BERILMU DARIPADA GENERASI SEKARANG.

GOLONGAN PELAJAR SEKARANGLAH YANG AKAN MENGAMBIL ALIH TANAHAIR PENTADBIRAN NEGARA SERTA MEMIMPIN SEKTOR EKONOMI DAN POLITIK DISAMPING MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAANNYA, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU SEDIH MELIHAT PERPECAHAN DIKALANGAN PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI KERANA MEREKA TELAH BERJANJI BAHAWA PEMERGIAN MEREKA IALAH UNTUK BELAJAR. -- BERNAMA

2352MST 12 10 84

D738

R B303 DEB

MAHATHIR - PELAJAR 3 CHICAGO (SAMBUNGAN BERITA B298).

SEBELUM PERJUMPAAN ITU PERDANA MENTERI MENEMUI 35 ORANG PEMIMPIN PELAJAR MALAYSIA DARI BERBAGAI-BAGAI UNIVERSITI DI AMERIKA SYARIKAT TENGAH.

DISEBELAH SIANGNYA 250 ORANG PELAJAR MALAYSIA DENGAN MEGAH MENGIBAR BENDERA MALAYSIA DAN MERENTANG SEPANDUK MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH DARI NEW YORK KESINI.

MENTERI LUAR TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN DAN DUTA BESAR KE WASHINGTON DATUK LEW SIP HON MENGIRINGI BELIAU.

SEMASA DI CHICAGO JUGA PERDANA MENTERI BERUCAP KEPADA PARA USAHAWAN DARI PELBAGAI FIRMA DI AMERIKA TENGAH DAN MENJAWAB SOALAN-SOALAN MEREKA, MENGENAI PELUANG PELABURAN DI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN BERLEPAS KE TOKYO HARI INI UNTUK LAWATAN PERIBADI. -- BERNAMA

0032MST 17 10 84

....3